



LAPORAN TAHUNAN iLQaM 2008

PENASIHAT : PROF. DR FAUZIAH NOORDIN
SUSUNAN DAN SUNTINGAN : JANUDIN SARDI (K)
ISMIE ROHA MOHAMED JAIS
SEMAKAN : PROF. MADYA DR ROHANA OTHMAN
ANNA KARTINI AHMAD LOTFI
MOHD IZWAN MOHD AZMAN
FARIDAH MOHD SAAD
NORHAZLIN RAMLI

Cetakan Terhad, 2009

© Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (iLQaM),
Aras 5, Bangunan PTAR II,
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Tel: 03-55442713 Faks: 03-55443740

Sekapur Sireh

NAIB CANSELOR UiTM
Yg Bhg Dato' Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah

Tahniah kepada warga iLQaM dengan terbitnya laporan yang menyeluruh dan komprehensif bagi membuktikan segala usaha dan anjuran program latihan bagi manfaat para akademik UiTM. Saya percaya laporan ini adalah "blueprint" bagi iLQaM untuk meneruskan usaha mereka dalam menjayakan lebih banyak program latihan bagi membantu pihak Universiti dalam mencapai pembentukan warga akademik berminda kelas pertama. Ini hanya dapat dilaksanakan jika pihak Universiti terus dibantu oleh semua pihak. Di sini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada iLQaM kerana memainkan peranan mereka dalam merealisasikan hala tuju ini.

Saya percaya warga iLQaM senantiasa memastikan semua aspek latihan yang diperlukan para akademik telah diteliti dan dirancang dengan sebaik mungkin bagi memacu Universiti ke tahap daya saing yang sejajar dengan arus perubahan yang amat kompetitif dan agresif. iLQaM telah pun membuktikan kesungguhan mereka melalui program latihan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, dan juga bidang latihan kepimpinan. Ini bukanlah mudah memandangkan ia melibatkan seluruh warga akademik dalam mencapai laluan akademik ke tahap yang lebih tinggi. Dengan kemampuan staf yang sedia ada di iLQaM, saya yakin mereka dapat memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan kelancaran program latihan terlaksana.

Selain itu juga, pihak Universiti menaruh harapan yang tinggi kepada iLQaM dalam menyokong pembangunan program-program baru yang dapat membentuk pemimpin masa hadapan Universiti. Melalui usaha mereka yang terkini, iaitu Program Pelan Penggantian Kepimpinan Akademik umpamanya, dapat menjana individu di kalangan akademik yang berpotensi bagi meneruskan pencapaian aspirasi Universiti.

Dengan ini, sekali lagi tahniah kepada warga iLQaM dan teruskan usaha untuk menyokong misi dan visi Universiti.

Selamat Maju Jaya.



Bicara Minda

PENOLONG NAIB CANSELOR iLQaM
Prof Dr Fauziah Noordin

Alhamdulillah, telah terhasil Laporan Tahunan iLQaM 2008 yang merupakan laporan lengkap yang ulung kali diterbitkan. Ini adalah sebagai salah satu inisiatif iLQaM bagi menyalurkan informasi kepada semua warga UiTM terutamanya para akademik, berkenaan program-program latihan yang dianjurkan.



Tahun demi tahun, iLQaM sedaya upaya memajukan diri dengan membina program-program baru agar sentiasa relevan dan signifikan bagi memperkuatkannya kemahiran dan pengetahuan para akademik UiTM. Sejajar dengan misi dan visi iLQaM sebagai institusi latihan UiTM, ia perlu mengorak langkah yang lebih dinamik dan agresif agar misi dan visi Universiti terlaksana. Sudah tentu pencapaian iLQaM adalah pencapaian semua. Dengan sokongan padu dari pihak-pihak yang terlibat seperti tenaga kerja iLQaM, penceramah, fasilitator dan juga pihak pentadbiran Universiti, pastinya pencapaian yang dikongsi bersama di dalam Laporan Tahunan 2008 iLQaM ini telah dapat direalisasikan.

iLQaM sentiasa mengemas kini program latihan sejajar dengan perkembangan terkini IPTA. Ini adalah kerana perkembangan dinamik dunia kademik memerlukan kepekaan dan tindakan dalam memastikan modul-modul latihan terus relevan dan mantap. Dengan terhasilnya laporan ini, dapatlah semua berkongsi manfaat agar usaha ini dapat diteruskan lagi. Apa yang pasti, laporan ini menjadi landasan sebagai penyaluran maklumat terperinci dan telus untuk dijadikan panduan mahupun rujukan bagi program-program latihan pada masa akan datang.

Terima kasih kepada semua warga iLQaM yang sentiasa bersedia dengan komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam menjalankan tugas agar kelancaran program terlaksana. Staf iLQaM adalah aset utama yang telah menerokai tenaga tanpa mengira masa, tenaga dan keadaan dalam mencapai objektif iLQaM. Begitu juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam menjayakan program latihan iLQaM. Saya merasa besar hati di atas sumbangan kepakaran dan tenaga anda. Semoga perjalanan pencapaian iLQaM diteruskan lagi dengan membina landasan latihan yang konsisten dan unggul bagi menjayakan misi dan visi UiTM.

Terima kasih di atas sokongan anda semua.

Lakaran Minda

**KETUA BAHAGIAN PENGAJARAN &
TEKNOLOGI PEMBELAJARAN
Prof Madya Dr Rohana Othman**

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan satu bidang yang dinamik dan melalui arus perubahan yang pantas. Oleh itu, di iLQaM, kami memastikan pemilihan program latihan bagi P&P perlulah menepati arus perubahan semasa agar latihan terus relevan dan signifikan dalam membantu para akademik bergerak seiring dengan sebarang perubahan.

Pelbagai program latihan P&P dan kemahiran yang berkaitan dengannya bagi memenuhi keperluan para akademik telah dilaksanakan, seperti *Writing for Publication*, OBE dalam Pendidikan, *Supervision for Undergraduates* dan *Supervision for Post Graduates*, selain daripada kursus-kursus wajib seperti Kursus Asas Pengajaran (KAP) dan *PhD Research Methodology*. Ini adalah bertujuan memberikan kemahiran kepada para akademik bukan dari segi P&P sahaja bahkan menjurus ke arah peningkatan tahap profesionalisme mereka sebagai pensyarah.

Dalam merealisasikan usaha dan hala tuju Universiti bagi membentuk minda kelas pertama di kalangan para akademik, wajarlah program latihan seumpama ini dijalankan secara berterusan bagi memberi ruang kepada semua pensyarah untuk mengikutinya. Terdapat pelbagai program lain sepertimana dirancang dalam Kalendar Latihan iLQaM yang amat berguna bagi mengasah kemahiran dan pengetahuan sedia ada. Selain itu, institusi latihan seperti iLQaM ini juga merupakan satu ruang di mana para pensyarah dapat bertemu dan membina jalinan akademik bagi tujuan kerjasama dalam bidang akademik masing-masing. Oleh itu, kami mengalu-alukan kehadiran semua bagi menyokong dan menjayakan program latihan di iLQaM.



Lakaran Minda

**KETUA BAHAGIAN LATIHAN KEPIMPINAN
& PENGURUSAN AKADEMIK**
Janudin Sardi

Kepimpinan dan pengurusan akademik merupakan dua perkara yang perlu dipupuk di kalangan para akademik selain daripada kemahiran dalam bidang pengajaran & pembelajaran. Universiti memerlukan warganya yang berkualiti dalam aspek kepimpinan akademik agar aspirasi global Universiti dapat dicapai dengan cemerlang.

Berlandaskan arus perubahan yang dinamik, maka iLQaM menyedari keperluan dalam melatih dan membentuk individu yang berpotensi dalam menggerakkan misi dan visi Universiti agar tidak ketinggalan jauh dengan IPTA lain. Oleh itu, iLQaM perlu membangunkan modul-modul latihan yang relevan dan menepati keperluan semasa agar individu yang telah dikenalpasti melalui pelbagai kaedah diberi latihan yang sewajarnya dan bersedia untuk memimpin Universiti pada masa akan datang.

Beberapa program bidang kepimpinan dan pengurusan akademik ialah *Succession Planning*, *Teambuilding (Indoor & Outdoor)*, dan Kursus Pengurusan Akademik telah dirancang sepertimana di dalam Kalender Latihan iLQaM. Dengan adanya program-program latihan seumpama ini, adalah diharapkan agar para akademik UiTM dapat mengambil peluang tersebut untuk meningkatkan potensi diri demi kebaikan dan kejayaan Universiti. Dengan itu, harapan kami agar sokongan padu terus diberikan kepada iLQaM agar iLQaM terus relevan dan signifikan dalam memberi latihan yang diperlukan dari masa ke semasa.



Kandungan

PENGENALAN iLQaM	1
OBJEKTIF iLQaM	1
DASAR LATIHAN UiTM	2
RINGKASAN ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN 2005	2
LATIHAN YANG DIKENAL PASTI MELALUI TNA.....	3
STRATEGI PEMBANGUNAN LATIHAN.....	4
KALENDAR LATIHAN iLQAM 2008	5
KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR iLQaM	5
A. Kemudahan Ruang	6
B. Sistem Pengurusan Latihan iLQaM.....	9
LAPORAN PROGRAM LATIHAN iLQaM 2008	12
PERBANDINGAN PROGRAM LATIHAN ANJURAN iLQaM 2005 – 2008	19
Perbandingan Pengajian dan Penyertaan Keseluruhan	19
Perbandingan mengikut kategori program latihan	20
Perbandingan penyertaan mengikut kursus yang dianjurkan.....	22
LAPORAN KEWANGAN & IMPLIKASI KEWANGAN	42
SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (iQ SYSTEM)	43
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA.....	44
PERANAN WAKIL / KORDINATOR iLQaM CAWANGAN	44
PENYELIDIKAN iLQaM.....	45
PENUTUP	46

PENGENALAN iLQaM

Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti atau juga dikenali sebagai iLQaM (Institute of Leadership and Quality Management) telah dibentuk pada 1 Mac 2003 dari inspirasi Yg Bhg Dato' Seri Dr Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM dengan tujuan menyempurnakan sepenuhnya Penstrukturran Semula UiTM 2001-2010.

Sebelum penubuhan iLQaM, sumber pengajaran dan teknologi pembelajaran dikendalikan oleh Pusat Sumber Pengajaran & Pembelajaran (PSPP). Kemudian pada tahun 2002, namanya ditukar kepada Institut Pimpinan Akademik (INPAK) yang bertujuan untuk meningkatkan aspek kepimpinan akademik. Namun begitu, usia INPAK tidak lama dan kemudian ditukarkan kepada Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (iLQaM) sehingga kini.

Penubuhan iLQaM pada dasarnya adalah bersesuaian dengan kehendak semasa Universiti yang dapat memberikan peluang latihan yang lebih menyeluruh kepada para akademik, bertujuan untuk membina modal insan minda kelas pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Negara. Kualiti kepemimpinan dan pengurusan akademik yang berkualiti merupakan teras utama bagi kejayaan sebuah organisasi yang perlu diserapkan dalam semua aspek pengurusan dan perkhidmatan Universiti.

Graduan UiTM perlu mempunyai kualiti dan ciri-ciri keperibadian serta kepemimpinan yang tinggi supaya dapat memimpin industri, masyarakat, bangsa, agama dan negara. Kualiti kepemimpinan ini perlu dilatih secara menyeluruh dan bersepadu, seimbang dan harmonis menerusi sistem pendidikan yang komprehensif. Ciri-ciri kepemimpinan dan pengurusan berkualiti tersebut perlu terlebih dahulu dimiliki oleh semua pensyarah, pengurus serta semua warga Universiti amnya bagi menjadi model yang cemerlang kepada para pelajar. Penubuhan iLQaM adalah untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat tersebut menerusi latihan yang terancang dan padu kepada semua pensyarah dan pentadbiran akademik Universiti.

OBJEKTIF iLQaM

Berikut merupakan beberapa objektif utama yang menjadi panduan dan landasan bagi iLQaM memainkan peranan dalam menganjurkan program latihan, iaitu:

- Menyediakan peluang maksima kepada pensyarah dan pengurus akademik Universiti bagi mengikuti program latihan pengajaran, penyeliaan, pengurusan dan kepimpinan akademik,
- Menyediakan ruang kepada pensyarah, pengurus akademik dan pentadbir untuk berkongsi idea dan kepakaran dengan pakar-pakar akademik, motivasi dan industri dari dalam dan luar negara menerusi *discourse* dan seminar,

- Mengenal pasti bakal pemimpin akademik Universiti menerusi siri latihan kepimpinan dan pelan penggantian, dan
- Menilai kompetensi staf akademik menerusi siri pembentangan projek, pengucapan awam, cadangan dan hasilan penyelidikan, penerbitan, pendekatan pengajaran, penilaian, penyeliaan dan khidmat profesional yang telah dijalankan.

DASAR LATIHAN UiTM

Proses pelaksanaan program latihan dan pembangunan sumber manusia di Universiti adalah dijelaskan dalam Rajah di bawah. Latihan bagi staf akademik diselaraskan oleh Institut Kepimpinan & Pengurusan Kualiti (iLQaM).

Bersetujuan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 – Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, program latihan dan pembangunan sumber manusia Universiti adalah berteraskan kompetensi dan pembelajaran berterusan bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi.

Pihak Universiti sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan kompetensi berdasarkan konsep *multi-skilling, learn, unlearn* dan *relearn* selari dengan Teras Dasar 3 dalam Dasar Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Dasar tersebut berkait dengan pembangunan kepakaran dan kecekapan kakitangan untuk melahirkan kakitangan yang profesional serta berjiwa murni dan bertaraf dunia. Oleh itu Universiti telah membuat ketetapan bahawa setiap staf hendaklah diberi peluang menjalani latihan selama 56 jam setahun berpandukan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 – Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam bagi meningkatkan kompetensi mereka mengikut pecahan berikut:


- 20 jam untuk latihan Kompetensi Umum
- 20 jam untuk latihan Kompetensi Khusus
- 16 jam untuk latihan ICT

Berdasarkan Analisis Keperluan Latihan (*Training Needs Analysis*) 2005, iLQaM menetapkan objektif kualiti latihan yang bertujuan memastikan keperluan latihan menepati sasaran pelanggan khususnya para akademik UiTM.

RINGKASAN ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN 2005

Program pembangunan dan latihan staf dikenal pasti melalui Analisis Keperluan Latihan (*Training Needs Analysis - TNA*). Program yang telah dikenal pasti, dijadual dan diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Universiti untuk dianjurkan bagi meningkatkan kompetensi staf.

Bagi staf akademik, TNA dilaksanakan untuk menganalisis trend keperluan latihan yang menjurus kepada 3 bidang utama iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional bagi 3 tahun berikutnya. Proses analisis tersebut dijalankan seperti berikut:



Borang TNA ialah alat ukur yang telah diguna pakai oleh pihak iLQaM untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan latihan yang perlu dianjurkan bagi memenuhi kehendak para pensyarah. Ia diguna pakai semenjak tahun 2003 hingga kini bagi mendapatkan maklumat tersebut dan bagi merancang program latihan sepetimana yang telah dikenal pasti. Berdasarkan dapatan tersebut, kalender program latihan iLQaM telah dibangunkan bagi mencapai keseragaman dan kehendak para pensyarah.

DAPATAN KESELURUHAN

Berdasarkan maklum balas TNA tersebut, ia adalah jelas bahawa para pensyarah telah menunjukkan kehendak yang menjurus kepada 3 bidang utama yang berkaitan dengan pembangunan profesionalisme mereka. Tiga bidang tersebut ialah (i) pengajaran, (ii) penyelidikan dan (iii) perkhidmatan profesional. Bidang-bidang ini adalah relevan dan perlu dirancang sebagai landasan untuk mereka membangunkan kepakaran dalam bidang tersebut dan bagi memainkan peranan yang lebih aktif bagi mencapai matlamat Universiti. Oleh itu, berdasarkan maklumat TNA tersebut, iLQaM telah merancang latihan dengan mengambil kira ketiga-tiga bidang tersebut. Dengan perancangan yang teliti, terbentuklah kalender program latihan iLQaM.

LATIHAN YANG DIKENAL PASTI MELALUI TNA

Berdasarkan analisa, 6 bidang telah dibentuk bagi mencapai kehendak yang berdasarkan kepada tiga kerperluan utama.

Pecahan kepada 6 bidang yang lebih terperinci adalah seperti di bawah:

- i. Pengajaran
- ii. Penyeliaan
- iii. Penyelidikan
- iv. Kepimpinan
- v. Pengurusan
- vi. Perkhidmatan Profesional

Latihan yang dianjurkan adalah sebagai landasan untuk para pensyarah mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Selain itu juga, latihan tersebut mencerminkan visi dan misi UiTM dan iLQaM. Latihan tersebut adalah sebagai penambahbaikan ilmu dan kemahiran bagi para pensyarah.

STRATEGI PEMBANGUNAN LATIHAN

Strategi pembangunan program latihan bagi staf akademik yang dianjurkan oleh iLQaM adalah seperti berikut:

Bil	Perancangan Strategik Latihan		Pelan Pembangunan
1	Peningkatan Keupayaan Pengetahuan	Peningkatan pengetahuan para akademik dalam bidang pengajaran & pembelajaran yang berteraskan teknologi bersepada.	Penyediaan kursus-kursus: <ol style="list-style-type: none"> 1. Asas pengajaran 2. Profesional pengajaran <ul style="list-style-type: none"> • <i>English for Effective Teaching</i> • <i>Academic Writing & Publication</i> • <i>Curriculum Design</i> • <i>Outcome based Education</i> • <i>Approaches to Teaching</i> 3. Pengurusan akademik 4. Kepimpinan 5. Latihan ICT & AV
2	Latihan Keintellektualan	Penyediaan landasan bagi membantu para akademik menjalani penambahbaikan intelektual dalam bidang kepakaran mereka.	Penyediaan kursus-kursus: <ol style="list-style-type: none"> 1. Kaedah penyelidikan PhD 2. Asas Penyeliaan 3. Penyeliaan calon PhD / Masters 4. Pelan Penggantian Kepimpinan Akademik 5. Kepimpinan efektif 6. Kepimpinan dalam Penyelidikan

3	Sikap (Keperibadian)	Menyediakan ruang ilmu bagi penghayatan nilai-nilai murni.	Penyediaan kursus-kursus: 1. Program <i>teambuilding</i> 2. Pembinaan insaniah 3. Akauntabiliti
---	-------------------------	--	--

Seperti yang dijelaskan, ini merupakan sumbangan iLQaM dalam menjayakan dasar latihan tersebut agar para akademik diberi peluang menghadiri program-program latihan di iLQaM tanpa perlu mengeluarkan sebarang kos perbelanjaan. Ini kerana pihak iLQaM menyediakan segala kemudahan bagi memastikan kelancaran kesemua program anjurannya.

KALENDAR LATIHAN iLQAM 2008

Berdasarkan TNA dan strategi pembangunan latihan, proses pelaksanaan dan penganjuran latihan melibatkan penyediaan Kalendar Latihan iLQaM 2008. Kalendar boleh diakses melalui laman web iLQaM di samping edaran yang dibuat ke semua fakulti dan kampus negeri.

Penganjuran latihan dijalankan sepenuhnya secara dalam talian menggunakan sistem pengurusan latihan iLQaM, iaitu *iQ System*. Pengendalian dijalankan bermula daripada pengurusetiaan sebelum, semasa dan selepas sesuatu program seperti pengiklanan, pendaftaran, penempatan, pemilihan penceramah/fasilitator dan pengurusan bajet.

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR iLQaM

Bagi keselesaan suasana bekerja dan aktiviti latihan yang dijalankan, premis iLQaM telah dilengkapi dengan bilik-bilik latihan, peralatan dan juga sistem pengurusan latihan sepermata berikut:

A. Kemudahan Ruang

- Lobi
- iLab
- Auditorium 1 & 2
- Bilik Seminar 1 & 2
- Bilik VIP
- Studio Rakaman
- Dewan Makan
- Surau Lelaki & Perempuan

B. Sistem Pengurusan Latihan iLQaM

A. Kemudahan Ruang

1. Lobi

Terletak di aras 4 merupakan laluan masuk untuk ke Auditorium 1 dan 2. Dinding ruangan ini dihiasi dengan hasil karya lukisan daripada Prof Madya Dr Mohd Mustafa Mohd Ghazali yang juga merupakan PNC di iLQaM dari tahun 2003 hingga 2007.



2. Auditorium 1

Kapasiti tempat duduk 85 orang ini merupakan auditorium utama terletak di aras 4.

Kemudahan ruang ini adalah untuk kegunaan seminar dan persidangan.



Auditorium 2


Kapasiti tempat duduk 68 orang terletak di aras 4 dan kemudahan ini digunakan untuk seminar dan persidangan.



3. Bilik Seminar 1 & 2

Terletak di aras 4, bilik seminar 1 ini dilengkapi dengan peralatan audio yang lengkap. Sesuai untuk mengadakan seminar atau mesyuarat. Bilik seminar ini boleh disambung untuk menjadikan ruang yang lebih luas dan selesa.



4. Bilik VIP**5. Studio Rakaman****6. Dewan Makan**


Kapasiti tempat duduk 68 dilengkapi dengan hawa dingin, juga mempunyai ruang yang terbuka di bahagian hadapan bagi memuatkan 30 tempat duduk.



B. Sistem Pengurusan Latihan iLQaM

Pengurusan latihan iLQaM menggunakan laman web rasmi dan sistem pengurusan latihan, *iQ System* sebagai platform utama. Pelanggan iLQaM boleh mendapatkan informasi latihan melalui laman ini dan memasuki sistem pengurusannya.

1. Laman Web iLQaM (<http://ilqam.uitm.edu.my>)



The screenshot shows the homepage of the Institute Of Leadership & Quality Management (iLQaM) website. The header features the institute's name in green and blue, with the subtitle "Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor". A search bar is located in the top right corner. The main menu includes Home, About Us, Programmes, Online Registration, Gallery, and Contact Us. Below the menu, there are several sections: "LEAD STORY" with a sub-section "Sharing Of Best Practices From A World Class University" featuring a photograph of a document and some text; "FEATURES" with a sub-section "Training Calendar 2008" showing a calendar page; "HANDS-ON WORKSHOP" with a sub-section "January Workshop" listing five training programmes; "TEACHING & RESEARCH SUPERVISION" with a sub-section "Basic Teaching And Learning Registration" showing a registration form; and a sidebar titled "NO CATEGORIES" containing links to "January Workshop" and "Welcoming iLQaM's New Outlook & Training Programmes". Other sidebar sections include "BROWSE ARCHIVES" (set to January 2008) and "BROWSE CATEGORIES" (listing Features, Hands-On Workshop, Lead Story, News, and Teaching & Research Supervision).

2. Sistem iQ Training (<http://ilqam.uitm.edu.my/iqtrainingweb/>)

i. Login pengguna sistem

Welcome to iqTraining

Please Note:

- You **NEED** to register to use this system.
- To register, please click [\[Register\]](#).
- Only UiTM lecturers can register and use this system.
- Staff ID is your 6 digit staff number (e.g 193632)
- This system is best viewed using Mozilla Firefox and Safari Web Browser

Login Menu

Staff ID:
 Password:

ii. Paparan utama pengguna sistem

myDashboard

Welcome JANUDIN B SARDI @ HJ. MOHD YUSOP

Use these links to get started:

- [Available Training](#)
- [My Training History](#)
- [Download Approval Letter \(new!!\)](#)

Below is the latest news from the official iQsys System Administration. If you need help with iQTraining please contact our WebMaster.

iQTraining Activities

Schedule Available

- (2008-01-15 - F3.0: EndNote X) Is Still Open.
- (2008-01-17 - F1.0: SPSS for Quantitative Research) Is Still Open.
- (2008-01-28 - F2.0: Atlas For Qualitative Research) Is Still Open.
- (2008-01-22 - F3.0: EndNote X) Is Still Open.
- (2008-01-21 - F1.0: SPSS for Quantitative Research) Is Still Open.
- (2008-05-26 - A1.0: Basic Teaching & Learning Course) Is Still Open.

Registration Status

iii. Login pentadbir sistem

User ID:
 Password:

iv. Paparan utama pentadbir sistem

The screenshot shows the iQTraining Management System dashboard. The top navigation bar includes links for myDashboard, User Management, Training Management, Organizer Management, Facilitator Management, System Management, and Logout. The main content area is divided into sections: 'myDashboard' (Welcome message, links for adding new users, courses, schedules, and trainee status), 'Training Activities' (Training Registration and Training Organizer sections), and 'Available Training' (a list of registered courses). The URL in the browser is <http://ilqam.uitm.edu.my/iqtraining/index.php>.

v. Paparan program latihan yang ditawarkan

The screenshot shows the 'Available Course' page of the iQTraining Management System. The top navigation bar is identical to the previous dashboard. The main content area displays a table of available courses with columns for No, Course Name, Score Merit, Target Audience, and Action (Course Detail link). The URL in the browser is <http://ilqam.uitm.edu.my/iqtraining/viewCourse.php>. The table data is as follows:

No	Course Name	Score Merit	Target Audience	Action
1	A1.0: Basic Teaching & Learning Course	30	Academic Staff Only	Course Detail
2	A2.1: English For Effective Teaching	12	Academic Staff Only	Course Detail
3	A2.2: Academic Writing & Publication	4	Academic Staff Only	Course Detail
4	A2.3: Curriculum Design/Measurement and Evaluation	12	Academic Staff Only	Course Detail
5	A2.4: Outcome Based Education	6	Academic Staff Only	Course Detail
6	A2.5: Approaches to Teaching	12	Academic Staff Only	Course Detail
7	A2.6: Instructional Design (ID) in e-Content	6	Academic Staff Only	Course Detail
8	A2.7: Project & Coursework Supervision(Undergrad.)	12	Academic Staff Only	Course Detail
9	A3.0: Ph.D Research Methodology	36	Academic Staff Only	Course Detail
10	A4.0: Supervision & Thesis Evaluation (Postgrad.)	12	Academic Staff Only	Course Detail
11	A5.0: Doctoral Accomplishment Strategy	6	Academic Staff Only	Course Detail
12	B1.0: Academic Management	12	Academic Staff Only	Course Detail
13	B2.0: Effective Leadership	6	Academic & Admin Staff	Course Detail
14	B4.0: Advanced Academic Management	12	Academic Staff Only	Course Detail
15	B5.0: Change Management	12	Academic & Admin Staff	Course Detail
16	B6.0: Research Leadership	12	Academic Staff Only	Course Detail
17	B7.0: Scenario Planning	12	Academic Staff Only	Course Detail
18	C1.0: Team Building: Outdoor	18	Academic & Admin Staff	Course Detail

LAPORAN PROGRAM LATIHAN iLQaM 2008

Pendahuluan

Sejak penubuhan iLQaM, pengajuran program latihan untuk staf akademik sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa. Jadual di bawah dapat menjelaskan serba ringkas mengenai pengajuran tersebut.

Tahun	Program Latihan
2003	Peringkat awal, program tertumpu pada kursus dan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)
2004	Selain PTK, program telah ditambah, antaranya: <i>Approaches to Teaching (PBL, e-Learning), Academic Management, Research Methodology</i>
2005	Program terus ditambah, antaranya: <i>Kursus Asas Pengajaran, Leadership Development, Professorial Lecture, Research Methodology</i>
2006	Selain di atas, program yang ditambah ialah: <i>Curriculum Design/Measurement & Evaluation, Supervision & Thesis Evaluation, Hands on for Academic Software</i>
2007	Pada tahun 2007 ini, program yang ditambah merangkumi: <i>English for Effective Teaching, Academic Writing & Publication, Outcome-Based Education, Team Building, Kursus Pra PTK</i>
2008	Pada tahun 2008 pula program yang ditambah ialah: <i>Instructional Design in e-Content, Project & Coursework Supervision, Doctoral Accomplishment Strategy, Succession Planning, Change Management, Research Leadership</i>

Program Latihan 2008

Sepanjang tahun 2008, iLQaM telah menganjurkan program latihan bagi memenuhi keperluan para akademik agar dapat mempertingkatkan kompetensi dalam bidang berkaitan. Berikut merupakan ringkasan 3 kategori utama program latihan anjuran iLQaM, iaitu:

1. Kursus yang berkaitan dengan pengajaran, penyelidikan dan penyeliaan.
2. Kursus yang berkaitan dengan latihan kepimpinan dan pengurusan akademik
3. Kursus yang berkaitan dengan latihan ICT dan AV berbentuk latihan praktik

1. Kursus *Teaching, Research & Supervision*

Bil	Kursus	Kekerapan
1	Basic Teaching & Learning Course	8
2	English For Effective Teaching	9
3	Academic Writing & Publication	7
4	Curriculum Design/Measurement and Evaluation	5
5	Outcome Based Education	4
6	Approaches to Teaching	3
7	Instructional Design (ID) in e-Content	3
8	Project & Coursework Supervision	2
9	Ph.D Research Methodology	6
10	Supervision & Thesis Evaluation	3
11	Doctoral Accomplishment Strategy	3
12	Professorial Lecture	2
	JUMLAH	55

Kursus *Teaching, Research & Supervision* merupakan kursus yang amat relevan kepada para akademik dan kekerapan kursus adalah memberangsangkan. Berdasarkan jumlah penganjuran, diharap ia dapat menjadikan para akademik UiTM lebih kompeten dalam tugas sebagai pensyarah. Kursus-kursus tersebut disampaikan oleh penceramah atau pakar dalaman UiTM, selain khidmat daripada penceramah luar dari IPTA, IPTS dan konsultan juga turut dijemput dari masa ke semasa mengikut keperluan.

2. Kursus *Leadership & Management*

Bil	Kursus	Kekerapan
1	Academic Management	3
2	Effective Leadership	4
3	Succession Planning: Leadership Development	2
4	Advanced Academic Management	1
5	Change Management	2
6	Research Leadership	2
7	Team Building: Outdoor	11
8	Team Building: Indoor	7
9	PTK: TK3 (P)	2
10	PTK: TK4 (P)	2
11	PTK: TK5 (P)	2
12	PTK: TK6 (P)	2

13	PTK: TK1, TK2 & TK3 (PP)	1
14	PTK: TK1 & TK2 (P)	1
15	PraPTK	5
	JUMLAH	47

Kursus-kursus di bawah *Leadership & Management* ini merupakan kursus yang dianjurkan bagi memberi pendedahan latihan bagi mencapai kompetensi dalam kepimpinan dan pengurusan akademik. Penganjuran kursus di bawah program ini adalah khusus bagi para akademik yang dilantik memegang jawatan pentadbiran dan juga pemimpin-pemimpin yang berpotensi bagi Universiti pada masa akan datang. Kebanyakan kursus dikendalikan oleh konsultan-konsultan yang dipilih secara teliti bagi memastikan tahap kepuasan yang tinggi di kalangan peserta. Kursus-kursus seperti *Research Leadership* dan *Academic Management* pula menggunakan kepakaran penceramah dalaman kerana ia melibatkan isu-isu berkaitan dengan peraturan akademik, kewangan dan polisi Universiti. Prestasi konsultan dan penceramah adalah bergantung kepada penilaian para peserta pada setiap kursus.

3. Kursus Latihan Praktik ICT & AV (*Hands On Workshop*)


Bil	Kursus	Kekerapan
1	SPSS for Quantitative Research	9
2	Atlas For Qualitative Research	5
3	EndNote	19
4	MS Word	7
5	MS Excel	2
6	MS PowerPoint	10
7	Adobe Acrobat Professional	3
8	Adobe Flash	3
9	Handling AV and ICT	2
	JUMLAH	60

Kursus latihan praktik mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan para akademik. Ini adalah kerana ia melibatkan kemahiran dalam penggunaan ICT dan AV semasa. Berdasarkan kekerapan yang ditunjukkan di atas, ia adalah jelas bahawa keperluan latihan ini perlu sentiasa dianjurkan bersesuaian dengan peredaran dan perubahan teknologi semasa. Kursus ini dikendalikan oleh penceramah dalaman memandangkan terdapat ramai pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam kursus-kursus yang ditawarkan. Secara tidak langsung, ini memberi peluang kepada para akademik menyumbang tenaga dan ilmu bagi menjayakan kursus-kursus anjuran iLQaM.

Pencapaian Program Latihan 2008

Untuk melihat pencapaian penganjuran latihan iLQaM, ia perlu dilihat melalui perancangan yang dijadualkan melalui Kalendar Latihan iLQaM 2008. Rajah di bawah menunjukkan perangkaan perancangan dan kekerapan program latihan 2008 mengikut kategori, iaitu:

1. *Teaching, Research & Supervision* (TRS)
2. *Leadership & Management* (LM)
3. *Hands on Training* (ICT & AV)




Berdasarkan rajah di atas, kursus yang dirancang pada tahun 2008 adalah sebanyak 36 kursus dan dijadualkan kekerapannya sebanyak 132 kali.

Semasa pelaksanaan, terdapat sedikit perubahan di awal tahun setelah kalendar dikeluarkan, iaitu penambahan kursus dalam latihan praktik dan pengguguran satu kursus (*scenario planning*) dan diganti dengan program lain (praPTK) dalam kategori *Leadership and Management*. Pelaksanaan program di iLQaM melalui beberapa prosedur yang ditetapkan berpandukan program yang dirancang. Prosedur tersebut ialah:


- membuka program 2 bulan daripada tarikh penganjuran yang telah diteliti kesesuaianya melalui sistem *iQ Training* kecuali program PTK yang menggunakan sistem i-staf portal
- menutup program setelah mencapai target peserta yang dikehendaki atau 2 minggu sebelum program bermula kecuali beberapa program yang hanya seminggu sebelum program bermula. Sekiranya jumlah peserta tidak mencapai sasaran 50% daripada target yang disasarkan atau tidak memberikan pulangan nilai yang sewajarnya, maka program tersebut akan ditangguhkan atau dibatalkan.

Berdasarkan maklumbalas pelanggan, terdapat beberapa program yang memerlukan tambahan kekerapan program. Oleh itu, pihak iLQaM telah menambah kekerapan dari masa ke semasa hingga mencapai 166 penganjuran untuk 36 program sepanjang tahun 2008. Rajah di bawah menunjukkan perbandingan antara perancangan awal (*base*) dengan perancangan tambahan (*stretch*).




Program dibuka untuk penyertaan adalah tertakluk kepada penceramah/fasilitator, tempat dan kesesuaian masa. Sepanjang tahun 2008, daripada 166 kali program yang dianjurkan, iLQaM telah berjaya menjalankan 36 kursus dengan kekerapan sebanyak 145 kali. Hanya 17 kali ditangguhkan atau gagal dijalankan kerana kekurangan peserta seperti yang ditunjukkan rajah di atas.


Dari sudut prestasi penganjuran, jika dibandingkan perancangan awal yang membabitkan 36 kursus dan 132 kali penganjuran dengan penganjuran yang lengkap dijalankan, didapati berlaku peningkatan yang menunjukkan prestasi iLQaM yang memberangsangkan seperti yang ditunjukkan rajah di bawah.



Dari sudut penyertaan dalam latihan, tahun 2008 menunjukkan seramai 6386 peserta telah mendaftar dalam latihan yang dianjurkan. Seramai 4637 peserta telah menjalani latihan dengan jayanya (71.25%), dan seramai 301 (4.63%) peserta gagal melengkapkan latihan. Bilangan yang menarik diri adalah seramai 1570 (24.12%) peserta sama ada dengan alasan (461 peserta-7.08%) atau tanpa alasan (1109 peserta - 17.04%).



Catatan: AWOR-Absent without reason, AWTR-Absent with reason



Number of Staff	6876	100%
Active Staff	2532	36.8%
Inactive Staff	4344	63.2%

Dari sudut penyertaan staf akademik ke dalam sistem pengurusan latihan iLQaM, rajah dan jadual di atas menunjukkan penglibatan staf akademik masih tidak menepati sasaran objektif kualiti 2006-2010 yang menyasarkan 50% penglibatan staf dalam latihan setiap tahun. Pada tahun 2008, 36.8% staf akademik aktif menyertai program latihan dalam pelbagai kursus berbanding 63.2% yang tidak aktif daripada jumlah staf akademik (6876 orang) yang terdapat dalam sistem pengurusan latihan iLQaM.

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan dan penganjuran program latihan iLQaM untuk tahun 2008 telah meningkat dengan pencapaian yang lebih terancang dan sistematik. Peningkatan prestasi disokong dengan gerak kerja pengurusan latihan melibatkan sumber manusia yang dedikasi dan sistem pengoperasian secara online (iQ Training Management System).


PERBANDINGAN PROGRAM LATIHAN ANJURAN iLQaM 2005 – 2008

Perbandingan dijalankan mengikut tahun bermula dari tahun 2005 hingga 2008 yang bertujuan untuk menilai prestasi penganjuran program latihan iLQaM. Terdapat tiga peringkat perbandingan, iaitu:

- Perbandingan penganjuran dan penyertaan keseluruhan
- Perbandingan mengikut kategori program latihan
- Perbandingan mengikut kursus yang dianjurkan

Perbandingan Penganjuran dan Penyertaan Keseluruhan

Jadual di bawah menunjukkan jumlah kekerapan program latihan yang telah berjalan dengan jayanya berdasarkan data tahun 2005 hingga 2008.



Sepanjang tahun 2005 sehingga 2008, jumlah kursus yang dianjurkan iLQaM menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2008, jumlah kursus yang dianjurkan meningkat lebih 2 kali ganda dari jumlah kursus yang dianjurkan pada tahun 2007. Ini menunjukkan iLQaM berusaha mewujudkan landasan latihan untuk para akademik UiTM agar dapat mengikuti program latihan tersebut bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.



Dari sudut penyertaan, rajah di atas menunjukkan pada tahun 2006 memperlihatkan penurunan sebanyak 15% berbanding tahun 2005, namun begitu penyertaan meningkat semula sebanyak 16% pada tahun 2007. Pada tahun 2008, penyertaan terus meningkat sebanyak 46% yang menunjukkan komitmen iLQaM untuk memberikan ruang latihan yang mencukupi kepada staf akademik UiTM.

Perbandingan mengikut kategori program latihan

Program latihan yang dirancang dibahagikan kepada 3 kategori utama, iaitu *Teaching, Research & Supervision (T,R & S)*, *Leadership & Management (L&M)*, dan *Hands-on Workshop ICT & AV*.

1. Kursus Teaching, Research & Supervision

Sebanyak 12 kursus yang dirancang di bawah kategori ini yang merupakan kursus teras dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan perbandingan sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual, kekerapan kursus adalah amat memberangsangkan pada tahun 2008. Kesemua kursus telah dianjurkan dengan jayanya. Beberapa kursus baru yang tidak pernah ditawarkan pada tahun 2005 mula diperkenalkan dalam tahun 2007 dan 2008. Ini menunjukkan bahawa iLQaM membuat perancangan yang teliti bagi memastikan para akademik diberi ruang latihan tersebut.

Bil	Kod Kursus	Kursus	2005	2006	2007	2008
1	QTR110	Basic Teaching & Learning Course	1	3	4	8
2	QTR121	English For Effective Teaching			3	8
3	QTR122	Academic Writing & Publication			1	5
4	QTR123	Curriculum Design/Measurement and Evaluation		2	4	3
5	QTR124	Outcome Based Education			1	4

6	QTR125	Approaches to Teaching	30			2
7	QTR126	Instructional Design (ID) in e-Content				2
8	QTR127	Project & Coursework Supervision				2
9	QTR130	Ph.D Research Methodology	1	2	3	5
10	QTR140	Supervision & Thesis Evaluation		2	1	3
11	QTR150	Doctoral Accomplishment Strategy				2
12	QAD510	Professorial Lecture	1	2	5	1

2. Kursus *Leadership & Management*

Latihan bagi membina kepemimpinan di kalangan para akademik yang dilantik memegang jawatan pentadbiran yang dirujuk sebagai pentadbir atau pengurus akademik juga diberi keutamaan. Bagi memastikan bahawa mereka dapat melaksanakan tugas dengan berkesan, maka beberapa latihan di bawah *Leadership & Management* telah mula dianjurkan dari tahun 2005 hingga 2008. Jadual di bawah menunjukkan bahawa terdapat penurunan dan peningkatan kekerapan kursus. Ini bergantung kepada keperluan semasa dan kalendar akademik.

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) diadakan setiap tahun dan mulai tahun 2007 sehingga 2008, PTK dijalankan sebanyak dua (2) kali setahun. Ini kerana bilangan para akademik yang semakin bertambah di UiTM dan bagi memastikan ruang disediakan bagi mereka yang berminat untuk mengikuti PTK ini.

Bil	Kod Kursus	Kursus	2005	2006	2007	2008
1	QLM210	Academic Management	1	6	2	3
2	QLM220	Effective Leadership	4	9		4
3	QLM232	Succession Planning				2
4	QLM240	Advanced Academic Management	1	1	2	1
5	QLM250	Change Management				1
6	QLM260	Research Leadership				2
7	QTB310	Team Building: Outdoor			4	11
8	QTB320	Team Building: Indoor			2	5
9	QLC430	PTK: TK3 (P)	1	1	1	1
10	QLC440	PTK: TK4 (P)	1	1	1	1
11	QLC450	PTK: TK5 (P)	1	1	2	2
12	QLC460	PTK: TK6 (P)	1	1	2	2
13	QLC410	PTK: TK1, TK2 & TK3 (PP)	1	1	2	2
14	QLC420	PTK: TK1 & TK2 (P)	1	1	2	2
15	QLC470	PraPTK				5

3. Kursus Latihan Praktik ICT & AV (*Hands-on Workshop*)

Menyedari kepentingan dan keperluan yang amat tinggi di kalangan para akademik agar mahir dalam perisian ICT dan peralatan AV, iLQaM juga menganjurkan kursus latihan praktik. Pada tahun 2005, kursus ini masih belum diperkenalkan, dan ia mula dianjurkan mulai tahun 2006 sehingga 2008. Apa yang jelas melalui kekerapan yang dinyatakan dalam Jadual ialah penambahan kursus pada tahun 2008 amat menggalakkan. Kekerapan bagi setiap kursus juga adalah tinggi dan memuaskan.

Bil	Kod Kursus	Kursus	2005	2006	2007	2008
1	QHW610	SPSS for Quantitative Research		6	4	9
2	QHW620	Atlas For Qualitative Research				5
3	QHW630	EndNote		6	21	18
4	QHW640	MS Word				6
5	QHW690	MS Excel				2
6	QHW650	MS PowerPoint			10	8
7	QHW660	Adobe Acrobat Professional				3
8	QHW670	Adobe Flash				3
9	QHW680	Handling AV and ICT				2


Perbandingan penyertaan mengikut kursus yang dianjurkan

Berikut adalah laporan penyertaan para akademik dalam kursus-kursus anjuran iLQaM. Statistik yang ditunjukkan di bawah adalah mengikut kategori kursus yang dinyatakan sebelum ini. Data dianalisis mulai dari tahun 2005 sehingga 2008 bagi menunjukkan perbandingan penyertaan para akademik dalam kursus dianjurkan.

1. Penyertaan dalam Kursus *Teaching, Research & Supervision*


Bil	Kod Kursus	Kursus	2005	2006	2007	2008
1	QTR110	Basic Teaching & Learning Course	51	178	601	613
2	QTR121	English For Effective Teaching			157	192
3	QTR122	Academic Writing & Publication			64	184
4	QTR123	Curriculum Design/Measurement and Evaluation		251	238	70
5	QTR124	Outcome Based Education			70	219
6	QTR125	Approaches to Teaching	2062			14
7	QTR126	Instructional Design (ID) in e-Content				31
8	QTR127	Project & Coursework Supervision				62
9	QTR130	Ph.D Research Methodology	97	177	124	362
10	QTR140	Supervision & Thesis Evaluation		217	90	75
11	QTR150	Doctoral Accomplishment Strategy				98
12	QAD510	Professorial Lecture	77	34	350	

1. BASIC TEACHING & LEARNING COURSE




Kursus ini merupakan kursus wajib bagi para pensyarah baru yang menjadi salah satu syarat pengesahan jawatan. Sejak diwajibkan pada 2005, peningkatan penyertaan amat ketara yang memperlihatkan peningkatan kemasukan staf akademik yang berkhidmat di UiTM.

2. ENGLISH FOR EFFECTIVE TEACHING




Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2007. Peningkatan lebih 22% bilangan peserta pada tahun 2008 menunjukkan bahawa kursus ini merupakan kursus yang amat berguna pada pensyarah bagi memperbaiki mutu pengajaran dalam Bahasa Inggeris.

3. ACADEMIC WRITING & PUBLICATION




Secara keseluruhan, data menunjukkan peningkatan yang amat baik di mana sebanyak 187% kenaikan bagi tahun 2008. Ini menunjukkan respon yang menggalakkan di kalangan para akademik dalam meningkatkan kemahiran menulis dan menerbit.

4. CURRICULUM DESIGN & MEASUREMENT AND EVALUATION




Bagi tahun 2006 dan 2007, penglibatan adalah amat memberangsangkan. Namun demikian, bagi tahun 2008 terdapat penurunan yang amat drastik dalam kursus ini. Penurunan adalah sebanyak 62%.

5. OUTCOME- BASED EDUCATION




Kursus ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana graf menunjukkan peningkatan sebanyak 213% dari jumlah peserta pada tahun 2008.


6. APPROCHES TO TEACHING



Pada peringkat awal, program ini menumpukan program latihan *e-Learning* dan *Problem Based Learning* (PBL) yang mendapat penyertaan yang tinggi pada tahun 2005 di mana seramai 2062 peserta telah menghadiri kursus ini. Namun program e-learning kemudiannya dipindahkan ke Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA). Pada tahun 2008 hanya program PBL yang berjaya dijalankan dan dihadiri oleh 14 peserta.


7. INSTRUCTIONAL DESIGN (ID) IN e-CONTENT

Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2008 dan dihadiri seramai 31 peserta. Kursus ini diadakan bagi memperkenalkan pensyarah dengan penggunaan pereka bentuk (*Instructional Design*) dalam bentuk elektronik.

8. PROJECT & COURSEWORK SUPERVISION


Kursus ini juga diperkenalkan pada tahun 2008 dan sambutan yang diterima agak menggalakkan di mana ia dihadiri seramai 62 peserta.

9. PhD RESEARCH METHODOLOGY




Kursus ini merupakan kursus persediaan kepada pensyarah yang akan melanjutkan pelajaran mereka. Kursus ini mencatatkan penyertaan peserta yang tinggi dan telah dihadiri lebih dari 100 peserta pada setiap tahun. Peningkatan jumlah peserta pada tahun 2008 meningkat dengan mendadak sehingga 192% berbanding pada tahun 2007.

10. SUPERVISION & THESIS EVALUATION




Pada peringkat awal diperkenalkan, kursus ini mendapat sambutan menggalakkan pada tahun 2006. Namun, ia berkurangan sehingga lebih 59% pada tahun 2007, dan 17% pada tahun 2008.

11. DOCTORIAL ACCOMPLISHMENT STRATEGY



Kursus ini merupakan kursus yang membantu pensyarah yang ingin/sedang melanjutkan pelajaran di peringkat kedoktoran. Walaupun kursus ini diperkenalkan pada tahun 2008, sambutan yang diterima agak menggalakkan.

12. PROFESSORIAL LECTURE




Program ini merupakan siri wacana intelektual yang mengundang barisan profesor, profesional dan pakar yang berkaliber untuk berkongsi kepakaran, idea dan pengalaman. Sejak diperkenalkan, tahun 2007 merupakan tahun yang melibatkan penyertaan yang ramai. Tahun 2008 tidak dapat dijalankan kerana pihak iLQaM terlibat sebagai urus setia program Syarahan Utama peringkat Universiti.

2. Penyertaan dalam Kursus *Leadership & Management*


Bil	Kod Kursus	Kursus	2005	2006	2007	2008
1	QLM210	Academic Management	64	369	178	232
2	QLM220	Effective Leadership	102	272		103
3	QLM232	Succession Planning: Leadership Development				62
4	QLM240	Advanced Academic Management	95	82	115	55
5	QLM250	Change Management				22
6	QLM260	Research Leadership				65
7	QTB310	Team Building: Outdoor			68	265
8	QTB320	Team Building: Indoor			38	128
9	QLC430	PTK: TK3 (P)	432	544	287	383
10	QLC440	PTK: TK4 (P)	75	149	98	93
11	QLC450	PTK: TK5 (P)	54	133	116	243
12	QLC460	PTK: TK6 (P)	68	71	24	68
13	QLC410	PTK: TK1, TK2 & TK3 (PP)	16	14	5	16
14	QLC420	PTK: TK1 & TK2 (P)	34	53	24	19
15	QLC470	PraPTK				177

1. ACADEMIC MANAGEMENT




Pada tahun 2006, jumlah penyertaan meningkat sehingga 476%, namun turun hampir 52% pada tahun berikutnya. Pada tahun 2008, jumlah penyertaan peserta menunjukkan peningkatan semula, iaitu sebanyak 23%. Program diwajibkan kepada semua pentadbir akademik untuk meningkatkan keupayaan dalam pengurusan akademik.

2. EFFECTIVE LEADERSHIP




Kursus ini ditawarkan secara terbuka kepada pensyarah untuk mempraktikkan kepimpinan yang berkesan. Penyertaan peserta pada tahun 2006 menunjukkan peningkatan yang tinggi sehingga 167%. Namun begitu, pada tahun 2007 kursus ini tidak dapat diadakan. Setelah kursus ini diperkenalkan semula pada tahun 2008, kursus ini kurang mendapat sambutan di mana ia menunjukkan penurunan sehingga 164% berbanding pada tahun 2006.

3. SUCCESSION PLANNING: LEADERSHIP DEVELOPMENT




Kursus ini diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 2008. Kursus ini merupakan kursus yang amat penting di mana ia merangkumi pelbagai aspek pembentukan kepimpinan. Pada tahun 2008 seramai 62 peserta telah menyertai kursus ini yang merupakan salah satu kursus baru anjuran iLQaM.

4. ADVANCED ACADEMIC MANAGEMENT




Keseluruhan kursus ini pada awalnya menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2006, iaitu sebanyak 14%. Pada tahun 2007, jumlah penyertaan menunjukkan peningkatan sebanyak 40%. Namun pada tahun 2008, ia mencatatkan penurunan yang drastik sehingga hampir 55%.

5. CHANGE MANAGEMENT




Kursus ini baru diperkenalkan pada tahun 2008 dan ia dihadiri seramai 22 peserta. Kursus ini dapat membantu para peserta agar memahami konsep dan teori perubahan dalam organisasi.

6. RESEARCH LEADERSHIP




Kursus ini diperkenalkan bagi membantu pensyarah dalam mengenal gaya kepimpinan melalui kajian sekaligus membentuk universiti menuju ke arah membina budaya penyelidikan (research culture). Penyertaan agak menggalakkan walaupun ia dianjurkan buat pertama kali pada tahun 2008.

7. TEAM BUILDING: OUTDOOR




Penyertaan bagi kursus ini agak memberangsangkan di mana penyertaan yang diterima menunjukkan peningkatan sebanyak 290% pada tahun 2008. Kursus ini dianjurkan kepada para akademik serta pentadbiran untuk mengukuhkan kerjasama dan membina semangat kerja yang tinggi.

8. TEAM BUILDING: INDOOR




Kursus ini diperkenalkan pada staf UiTM bagi meningkatkan semangat kerjasama secara berkumpulan. Keseluruhan proses kursus ini adalah baik di mana ia mencatatkan peningkatan sebanyak 273% pada tahun 2008.


9. PTK:TK1,TK2,TK3 (PP)




Kursus kecekapan ini diadakan bagi mengukur tahap kompetensi para akademik di dalam bidang masing-masing. Ia merupakan satu cara bagi mengukur para akademik dari segi kompetensi kemahiran dan personaliti. Penyertaan peserta pada tahun 2006 menunjukkan penurunan sehingga 13%. Pada tahun 2007 jumlah penyertaan menurun sehingga 64%. Namun pada tahun 2008, jumlah penyertaan kembali meningkat.

10. PTK: TK & TK2 (P)


Pada tahun 2006, bilangan peserta bagi kursus ini menunjukkan peningkatan sebanyak 35%, namun pada tahun 2007, jumlah peserta menunjukkan penurunan mendadak sehingga 55%. Pada tahun 2008, jumlah penyertaan terus menurun sehingga 21%.

11. PTK: TK 3


Pada tahun 2006 jumlah peserta yang menyertai kursus ini menunjukkan peningkatan sebanyak 26%. Pada tahun 2007, bilangan peserta menurun sehingga 47%. Pada tahun 2008, bilangan peserta terus menunjukkan peningkatan sehingga 33%.

12. PTK: TK 4 (P)


Walaupun jumlah peserta pada tahun 2006 menunjukkan peningkatan sebanyak 99% berbanding tahun 2005, bilangan peserta yang menyertai PTK 4 menunjukkan penurunan pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2007 bilangan peserta yang menyertai kursus ini terus menurun sehingga 34%. Pada tahun 2008, sedikit penurunan berlaku hanya 5%.

13. PTK: TK 5 (P)

Pada tahun 2006, bilangan peserta yang menyertai PTK 5 menunjukkan peningkatan sebanyak 146%. Namun pada tahun berikutnya bilangan peserta yang menyertai kursus ini menurun 13%. Namun pada tahun 2008, bilangan peserta yang menyertai kursus ini menunjukkan peningkatan sebanyak 110%.

14. PTK: TK 6 (P)

Pada tahun 2006, bilangan peserta yang menyertai PTK 6 menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 4%. Namun pada tahun berikutnya bilangan peserta yang menyertai kursus ini menurun 66%. Pada tahun 2008, bilangan peserta yang menyertai kursus ini menunjukkan peningkatan sebanyak 183%.


15. PRA PTK

Kursus ini baru diperkenalkan pada tahun 2008 dan ia dihadiri seramai 177 peserta. Kursus ini dapat membantu para peserta PTK untuk menyediakan cadangan penyelidikan dan pengurusannya yang dijalankan secara latihan praktik.

3. Kursus Latihan Praktik ICT & AV (*Hands-on Workshop*)


Bil	Kod Kursus	Kursus	2005	2006	2007	2008
1	QHW610	SPSS for Quantitative Research		95	60	117
2	QHW620	Atlas For Qualitative Research				62
3	QHW630	EndNote		94	311	265
4	QHW640	MS Word				64
5	QHW690	MS Excel				33
6	QHW650	MS PowerPoint				157
7	QHW660	Adobe Acrobat Professional				35
8	QHW670	Adobe Flash				38
9	QHW680	Handling AV and ICT				52

1. SPSS FOR QUANTITATIVE REASEARCH




Pada tahun 2006 kursus ini mula diperkenalkan kepada staf yang melibatkan penggunaan perisian akademik untuk penyelidikan berbentuk kuantitatif. Bilangan peserta agak menggalakkan di peringkat awal, namun pada tahun berikutnya menurun sebanyak 37%. Namun pada tahun 2008, bilangan peserta yang menyertai kursus ini menunjukkan peningkatan sebanyak 95%.

2. ATLAS FOR QUALITATIVE RESEARCH




Kursus Atlas diperkenalkan pada tahun 2008 bagi memenuhi kehendak peserta yang memerlukan pendekatan kualitatif dalam penyelidikan mereka. Seramai 62 peserta telah menyertai kursus ini.

3. ENDNOTE




Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2006. Pada tahun 2007, bilangan peserta menunjukkan peningkatan mendadak sehingga 231% berbanding 2006, namun mencatatkan penurunan sebanyak 15% pada tahun 2008.

4. MS WORD




Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2008 bagi membantu meningkatkan lagi tahap kecekapan peserta menggunakan MS Word. Seramai 64 peserta telah menyertai kursus ini.

5. MS EXCEL




Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2008. Sambutan yang diterima agak menggalakkan di mana seramai 33 peserta telah menyertai kursus ini.

6. MS POWERPOINT




Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2007 bagi meningkatkan lagi kemahiran peserta dalam penggunaan MS Powerpoint. Bilangan peserta mencatatkan sedikit, iaitu sebanyak 24% pada tahun 2008.

7. ADOBE ACROBAT PROFESSIONAL




Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2008 bagi meningkatkan lagi kemahiran peserta dalam penggunaan Adobe Acrobat Profesional. Seramai 35 peserta telah menyertai kursus ini.

8. ADOBE FLASH



Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2008. Sambutan yang diterima agak menggalakkan di mana seramai 38 peserta telah menyertai kursus ini.

9. HANDLING AV AND ICT



Kursus ini diperkenalkan pada tahun 2008. Antara kursus yang dijalankan dalam program ini ialah Bengkel Fotografi dan Penyuntingan Video. Sambutan yang diterima agak menggalakkan di mana sebanyak 52 peserta telah menyertai kursus ini.

LAPORAN KEWANGAN & IMPLIKASI KEWANGAN

Latihan sumber manusia merupakan salah satu agenda utama yang perlu diberi penekanan yang berterusan. Ia tidak mungkin terlaksana jika sokongan dari segi kewangan tidak diberi. UiTM mementingkan kualiti dan kepakaran yang tinggi di kalangan para akademiknya, oleh itu, peruntukan latihan adalah amat memberangsangkan. Peningkatan dari segi peruntukan kewangan menunjukkan bahawa pihak UiTM memberi sokongan padu dalam memastikan program-program latihan dapat dijalankan.

Pada setiap tahun, peruntukan latihan ditingkatkan agar kualiti dan kekerapan latihan dapat dilaksanakan. Ini ditunjukkan dengan jelas dalam Jadual di bawah di mana peningkatan tersebut membuka ruang kepada pihak iLQaM mengenal pasti program-program latihan yang diperlukan oleh para akademik.

Rajah: Jumlah Keseluruhan Kos Program Latihan tahun 2005-2008



Sumber: Sistem FAIS

Jumlah keseluruhan kos bagi program-program anjuran iLQaM yang ditawarkan pada tahun 2005 adalah sebanyak RM 499,244.61. Pada tahun 2006, kos keseluruhan program yang ditawarkan telah bertambah sebanyak RM 434,396.06, iaitu peningkatan sebanyak 87% menjadikan kos keseluruhan bagi latihan pada tahun tersebut sebanyak RM 933,640.67. Pada tahun 2007 pula, kos bagi program yang ditawarkan bertambah kepada RM 1,205,602.33 iaitu pertambahan sebanyak RM 271,961.77 ataupun 29%. Pada tahun 2008, jumlah keseluruhan terus meningkat kepada RM 1,695,657.22 iaitu pertambahan sebanyak RM 490,054.9 bersamaan dengan 41%. Peningkatan tahun demi tahun ini menunjukkan kesungguhan Universiti dalam menyokong program latihan iLQaM agar iLQaM dapat memainkan peranan dalam menyediakan latihan yang berterusan kepada para akademik. Maklumat perbelanjaan ini adalah mengikut maklumat dari segi perakaunan iaitu setelah mengambilkira pindaan atau pelarasan perbelanjaan.

SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (iQ SYSTEM)

Sistem pengurusan latihan, *iQ System* merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh kapakaran dalaman iLQaM bagi mengendali dan mengkordinasikan program-program latihan. Perancangan Strategik ICT iLQaM merencanakan satu pangkalan data yang menyimpan maklumat berkaitan latihan secara keseluruhan yang boleh diguna pakai bagi tujuan kenaikan pangkat dan sebagainya. Pembangunan sistem ini adalah selaras dengan misi dan visi Universiti.

Profil *iQ System*

iQ System ini dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman iLQaM dan ia merupakan salah satu inisiatif dalam mengaplikasi ilmu dan kemahiran staf tanpa melibatkan sebarang kos tambahan. Sistem ini dibangunkan mulai 1 Januari 2007 bagi mengendalikan program latihan secara lebih teratur, efisien dan telus. Sistem ini memudahkan saluran maklumat antara dua pihak, iaitu pengguna dan pengurusan. Maklumat dapat disalurkan dengan lebih efektif dan efisien, selain memberi manfaat yang tinggi kepada pihak pengguna kerana mereka dapat memilih program latihan yang ingin diikuti berdasarkan kesesuaian masa mereka.

Jadual di bawah merupakan deskripsi fungsi *iQ System* yang telah diguna pakai di iLQaM.

Deskripsi Fungsi *iQ System*

Pengguna	Pengurusan iLQaM
<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat makluman program latihan yang dianjurkan oleh iLQaM • Mendaftar secara dalam talian • Mendapat pengesahan mengikuti program • Mendapatkan rekod maklumat diri mengikuti kursus anjuran iLQaM • Memberi maklumat analisis keperluan latihan • Memberi maklumat keberkesanan program latihan 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyalurkan maklumat kepada pengguna UiTM • Menyelia dan mengendali pendaftaran peserta • Membuat pengesahan bagi pendaftaran secara atas talian • Menyalurkan maklumat kursus seperti objektif, modul dan nota secara atas talian • Mengendali perjalanan program seperti laporan, rekod kehadiran bajet, AJK dan sebagainya • Menyimpan segala maklumat dalam pangkalan data

Pengurusan Sistem dan penyelenggaraan

Dengan adanya sistem ini, warga iLQaM memainkan peranan yang penting dalam

menjayakannya. Pengurus sistem atau *programmer* iLQaM berperanan menaik taraf, menyelenggara dan memantau bagi memastikan sistem iQ berfungsi dengan baik dan memenuhi kehendak pelanggan khususnya pensyarah UiTM. Manakala pihak pengurusan bahagian-bahagian iLQaM pula menyalurkan maklumat terperinci program latihan yang dianjurkan berdasarkan kalendar tahunan iLQaM. Selain itu juga, sistem tersebut digunakan sebagai pemantauan pengurusan setiaan, bajet dan laporan aktiviti lathan iLQaM.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Sebagai Institut Latihan yang utama di UiTM, selain daripada menganjurkan program latihan, iLQaM juga prihatin dalam pembangunan dan peningkatan kerjaya staf. Bagi menjadikan iLQaM sebagai pusat rujukan latihan yang unggul, staf juga perlu diberi latihan dan pendedahan agar budaya kerja dan minda dapat mencapai tahap yang cemerlang. Oleh itu, dari masa kesemasa, iLQaM menganjurkan sesi latihan yang merangkumi program latihan dalaman dan luaran agar staf dapat membina budaya kerja yang tinggi dan berhemah sepanjang masa. Aktiviti-aktiviti yang dirancang bagi staf iLQaM ini merupakan salah satu inisiatif bagi memberi latihan secara berterusan agar staf iLQaM sentiasa berada dalam suasana kerja yang positif dan budaya kerja yang sihat dapat dipupuk.

Antara aktiviti yang dianjurkan oleh staf iLQaM adalah seperti berikut:

1. Kapsul Ilmu
2. Kelas Bahasa Inggeris
3. Kursus NLP – Take Charge
4. Esprit de corp
5. Perancangan Strategik iLQaM

Usaha-usaha lain yang diadakan dari masa ke semasa adalah seperti berikut:

1. Tabung Kelab iLQaM
2. Sambutan Hari Lahir Staf
3. Jamuan Hari Raya
4. Pemberian Sagu Hati bagi Staf yang baru menimang cahaya mata

PERANAN WAKIL / KORDINATOR iLQaM CAWANGAN

Keseragaman dari segi tugas dan komunikasi bagi setiap cawangan yang ditadbir urus oleh Wakil iLQaM juga dititikberatkan. Perjumpaan diadakan bagi memastikan maklumat disalurkan dengan jelas dan baik. Beberapa siri "Team building" telah dilaksanakan antara iLQaM Shah Alam dengan wakil iLQaM kampus negeri. Ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama, kekitaan yang tinggi dan meningkatkan daya kreativiti di kalangan

staf akademik dan pentadbir agar perjalanan tugas lancar dan baik. Antara program tersebut melibatkan:

1. iLQaM Shah Alam dan iLQaM Johor
2. iLQaM Shah Alam dan iLQaM Sarawak
3. iLQaM Shah Alam dan iLQaM Pulau Pinang
4. iLQaM Shah Alam dan iLQaM Terengganu
5. iLQaM Shah Alam dan iLQaM Perlis

PENYELIDIKAN iLQaM

Sebagai Institut Latihan bagi para akademik, iLQaM sentiasa memastikan penambahbaikan berterusan dijalankan agar peranannya sentiasa relevan dan signifikan. Oleh itu, barisan para pentadbir akademik iLQaM yang diketuai oleh Penolong Naib Canselor (PNC) dan dibantu oleh dua Ketua Bahagian dan dua fello menjalankan penyelidikan yang berkaitan bagi usaha penambahbaikan.

Pada tahun 2008, tiga (3) penyelidikan selama dua tahun telah diluluskan oleh Research Management Institute (RMI) bagi memastikan budaya penulisan diterap di kalangan para akademik iLQaM. Penyelidikan-penyelidikan tersebut adalah:

- i. **Burnout, Personality and Social Support among Academicians in UiTM**
- ii. **Developing a Standardized Training Needs Analysis Tool for IPTA in Malaysia**
- iii. **Leadership Taxonomy in Academic Materials of iLQaM UiTM**

Penyelidikan ini melibatkan semua para pentadbir akademik yang dipinjamkan ke iLQaM dan projek dua tahun ini adalah sebagai insiatif membudayakan penulisan agar pentadbir akademik tidak keciciran dalam memajukan diri mereka sepetimana para akademik yang lain.

2008 juga menunjukkan arah baru bagi para pentadbir akademik kerana aktiviti penulisan lebih dipergiatkan lagi seperti penerbitan buletin dan juga buku-buku panduan latihan iLQaM bagi rujukan warga UiTM.


PENUTUP

Akhir kata, dengan terhasilnya Laporan Tahunan 2008 iLQaM ini, pihak iLQaM amat berharap agar minda semua warga UiTM lebih terbuka dan peka dalam memberi sokongan padu dan berterusan. Ini adalah penting kerana keupayaan dan sumbangan warga iLQaM sahaja tidak mencukupi dalam mencapai kejayaan ini.

iLQaM juga sentiasa mengamalkan sikap terbuka dalam menerima cadangan dan maklum balas yang dapat meningkatkan kualiti program latihan yang dianjurkan. Sebarang cadangan bolehlah disalurkan melalui emel: *ilqam@salam.uitm.edu.my*. Dengan mekanisme ini, iLQaM berharap semua warga UiTM dapat menyumbangkan idea yang bernes dalam membangunkan Institut Latihan UiTM ini.

Pada masa akan datang, antara inisiatif iLQaM adalah berusaha untuk menjadi pusat rujukan latihan yang unggul dan cemerlang di kalangan IPTA dan IPTS dalam dua bidang utama iaitu pengajaran & pembelajaran serta kepimpinan. Dengan harapan dan usaha tersebut, iLQaM yakin semua warga UiTM akan bersama-sama mengorak langkah bagi memartabatkan kedudukan Univesiti di persada antarabangsa.

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN iLQaM 2008



Sehingga Dis 2008

PENGURUSAN iLQaM**Penolong Naib Canselor**

Prof. Dr. Fauziah Noordin

**Ketua Bahagian Pengajaran &****Teknologi Pembelajaran**

Prof Madya Dr. Rohana Othman

**Ketua Bahagian Latihan Kepimpinan &****Pengurusan Akademik**

Janudin Sardi

FeloIsmie Roha Mohamed Jais
Ahmad Zam Hariro Shamsudin

PENTADBIRAN

Anna Kartini Binti Ahmad Lotfi
Mohd Izwan Bin Mohd Azman
Faridah bt Mohd Saad
Norhazlin Ramli
Norlelawati binti Mohamad Adi
Azwani binti Arif
Azizah bt Abd Jalil
Jahara bt Othman
Zarina binti Zainal
Siti Mariyani Binti Mohd Dawad
Nur Ruzana Binti Rosli
Suzana Binti Abd Ghani
Khairul Badri Bin Sahran
Ahmad Nazar Bin Mohd Yusof

Grafik

Mohamad Lotfi bin Baharuddin
Mohd Mazli Bin Mohd Hamid
Nornazarina Binti Ghadin

SISTEM MAKLUMAT

Hairulnizam bin Ghazali
Suhaimi bin Jaafar

TEKNIKAL

Mohamad Isa Bin Tukimin
Mohd Som bin Yaman
Yushita Binti Yusop
Muhammad Hasan Farid bin Salam
Muhammad Faisal bin Zolkafli
Mohamad Edzuari bin Abdul Sani
Mohd Zaifulnizam bin Burham
Muhamad Hafizul bin Othman
Hasbullah bin Husain